

Sikap tamak mahu cepat kaya punca wanita terjerat

Oleh FIRDAUS ABDULLAH
dan MUNIRAH AZMAN

KUALA LUMPUR — Sikap tamak untuk cepat kaya menjadi punca golongan wanita mudah terjebak dalam kes jenayah siber terutama menerusi media sosial seperti Facebook.

Pakar Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Dr. Rozmi Ismail berkata, melalui satu penyelidikan psikologi manusia, 90 peratus kaum Hawa mudah terpedaya dalam jenayah penipuan berbanding kaum lelaki.

"Kajian itu juga menyebut, golongan wanita lebih cemas dalam menghadapi sesuatu situasi atau desakan daripada man-



ROZMI



FAUZIAH

mana pihak berbanding golongan lelaki.

"Kenapa sindiket lebih cenderung (menipu) wanita? Jawapannya, wanita ini lebih cepat takut dan gemuruh. Selain itu mereka juga senang 'terpukau' dengan pujuk rayu atau kekayaan yang ditawarkan.

"Mereka juga sukar menilai sesuatu kebenaran dan penipuan kerana wang telah mengaburi minda mereka sehingga tidak boleh berfikir secara rasional," katanya ketika dihubungi semalam.

Rozmi berkata demikian sebagai mengulas laporan *Kosmo!* berhubung kes seorang janda kaya Malaysia berusia 49 tahun yang kerugian lebih RM7.9 juta selepas diperdaya seorang lelaki Hong Kong yang menawarkan nombor ramalan kepadanya selepas dua bulan mereka berkenalan melalui Facebook.

Lelaki yang mendakwa bekerja di sebuah syarikat judi di Hong Kong itu menawarkan nombor

ramalan berharga RM102,300 bagi memenangi hadiah berjumlah hampir RM5.5 juta.

Mengulas isu sama, Pensyarah Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Dr. Fauziah Mohd. Saad pula berpendapat, lazimnya sindiket penipuan akan mengambil kesempatan ke atas golongan wanita yang berstatus bujang, janda atau ibu tunggal.

"Penipu-penipu di alam siber biasanya sangat profesional, bijak bermain dengan kata-kata

lelaki Hong Kong perdaya wanita kaya Malaysia beli nombor ramalan

Janda jutawan ditipu RM7.9 juta



KERATAN Kosmo! semalam.

manis untuk mempengaruhi dan memerangkap mangsa.

"Bila mereka memalsukan bukti kejayaan orang lain, wanita-wanita ini memang akan cepat percaya, itu kelemahan kaum Hawa. Bila sudah percaya, mereka sanggup lakukan apa sahaja termasuk melabur jumlah yang banyak seperti yang diminta," ujarnya.